



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (07 JANUARI 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini terdapat **14 kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Kuching (7), Sibu (3), Sri Aman (2), Miri (1) dan Pusa (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,180 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **I. Daerah Kuching (7 Kes)**

##### **a) Saringan Individu Yang Balik Dari Luar Negara: (1 Kes Import-A)**

**Kes 1,167** adalah seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang baru balik dari negara Emirates Arab Bersatu (UAE) pada 03 Januari 2021 melalui Dubai dan sampai di Kuching pada 04 Januari 2021.

Kes telah balik ke Sarawak dari Dubai dan membuat persinggahan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA1) sebelum tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 04 Januari 2021. Kes telah menjalani ujian saringan RTK Antigen di KLIA-1 dan keputusan ujian adalah negatif.

Semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, kes telah dibawa ke pusat kuarantin untuk menjalani arahan kuarantin wajib selama 10 hari dan telah menjalani saringan COVID-19 pada 05 Januari 2021 dan didapati positif pada 06 Januari 2021. Kes ini tidak menunjukkan tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

**b) Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: (5 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,168, 1,169, 1,170, 1,178 dan 1,179** adalah lima (5) warga tempatan (Sarawak) yang telah dikesan melalui aktiviti pengesanan kes kepada individu yang mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19.

Kes-kes ini telah menjalani saringan COVID-19 pada 05 Januari 2021 dan keputusan didapati positif pada 06 dan 07 Januari 2021.

Kesemua mereka yang berumur di antara 24 hingga 56 tahun merupakan kontak rapat dan ahli keluarga kepada kes 1,158. Kes-kes ini telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang telah mendapat jangkitan daripada kes positif COVID-19 yang telah dilaporkan sebelum ini. Siasatan lanjut ke atas kes-kes ini dan pengesanan kontak-kontak lain sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

**c) Saringan Individu Sebelum Rawatan Di Hospital: (1 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,174** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching pada 03 Januari 2021. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk saringan kali ke-2 dan didapati positif pada 06 Januari 2021.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan sehingga siasatan ke atas punca jangkitan diketahui. Pengesanan kontak-kontak kepada kes ini sedang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

**II. Daerah Sibul (3 Kes)**

**a) Saringan Individu Yang Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (3 Kes Import-B)**

**Kes 1,171** merupakan seorang wanita warga tempatan (Sarawak) yang balik dari Johor melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor ke Lapangan Terbang Sibul pada 04 Januari 2021. Kes ini adalah seorang pekerja di Singapura dan telah balik ke Malaysia melalui Johor pada 10 Disember 2020.

Semasa tiba di Johor, kes telah menjalani kuarantin di pusat kuarantin di Johor Bahru sebagai pelawat yang balik dari luar negara. Kes telah menjalani kuarantin pada 10 Disember 2020 hingga 19 Disember 2020 dan telah menjalani ujian saringan COVID-19 pada 11 Disember 2020 dimana keputusan ujian rT-PCR adalah negatif.

Setiba di Lapangan Terbang Sibul, kes telah menjalani saringan COVID-19 dan telah diberikan arahan kuarantin di rumah selama 14 hari serta dipakaikan gelang. Keputusan ujian rT-PCR kes didapati positif pada 06 Januari 2021.

Kes ini tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Sibul untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko jangkitan COVID-19.

**Kes 1,172** adalah warga tempatan (Selangor) dan telah balik ke Shah Alam, Selangor untuk bercuti. Kes telah berada di Selangor sejak 19 Disember 2020 dan balik semula ke Sibul, Sarawak pada 04 Januari 2021.

Kes ini telah tiba di Lapangan Terbang Sibul pada 04 Januari 2021 dan telah diberi arahan kuarantin di rumah dan dipakaikan gelang. Kes menjalani saringan COVID-19 dan ujian rT-PCR dan didapati positif pada 06 Januari 2021.

Kes ini tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Sibul untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko jangkitan COVID-19.

**Kes 1,175** merupakan seorang wanita warga tempatan (Sarawak) yang telah pulang ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 29 Disember 2020 sebelum meneruskan perjalanan ke Lapangan Terbang Sibul pada hari yang sama. Semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, kes telah menjalani ujian COVID-19 dan didapati negatif. Setiba di Lapangan Terbang Sibul, kes telah diberikan arahan kuarantin di rumah selama 14 hari serta dipakaikan gelang. Keputusan ujian rT-PCR kes didapati positif pada 06 Januari 2021.

Kes tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Sibul untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko jangkitan COVID-19.

### **III. Daerah Pusa (1 Kes)**

#### **a) Saringan Individu Yang Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (1 Kes Import-B)**

**Kes 1,173** merupakan seorang wanita warga tempatan (Sarawak) yang telah balik dari Johor melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Senai ke Lapangan Terbang Sibu pada 04 Januari 2021.

Setibanya di Lapangan Terbang Sibu, kes telah menjalani saringan COVID-19 dan diberikan arahan kuarantin di rumah selama 14 hari serta telah dipakaikan gelang. Ujian saringan yang dijalankan pada 04 Januari 2021 telah didapati positif pada 06 Januari 2021. Kes ini telah menunjukkan tanda dan gejala mulai 02 Januari 2021. Kes ini masih dalam pengesanan kontak-kontak lain yang kemungkinan telah terdedah kepada kes ini.

Kes telah dimasukkan ke Hospital Sibu untuk rawatan lanjut dan dikategorikan sebagai Kes Import B yang telah mendapat jangkitan semasa masih berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

#### **IV. Daerah Miri (1 Kes).**

##### **a) Saringan Individu Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: (1 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,176** adalah seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah dikesan melalui aktiviti pengesanan kes yang melibatkan kluster Bah Sayap. Kes adalah rakan yang mempunyai kontak kepada kes 1,116.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah klinik kesihatan kerajaan pada 05 Januari 2021 dan didapati positif pada 06 Januari 2021. Kes tidak menunjukkan tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang telah mendapat jangkitan semasa mempunyai kontak dengan kes 1,116.

#### **V. Daerah Sri Aman (2 Kes).**

##### **a) Saringan Individu Bergejala: (2 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,177 dan 1,180** adalah dua orang warga tempatan (Sarawak) yang telah disaring COVID-19 kerana mempunyai tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kedua-dua kes ini telah menerima rawatan di klinik kesihatan kerajaan di Daerah Sri Aman pada 06 Januari 2021 dan keputusan didapati positif pada 07 Januari 2021.

Kedua-dua kes telah mengalami demam dan batuk dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan sehingga siasatan ke atas punca jangkitan diketahui. Pengesanan kontak-kontak kepada kedua-dua kes ini sedang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Sri Aman.

### **B. Kluster Yang Baharu (1 Kluster)**

Hari ini **Kluster Keranji Tabuan kluster baharu** disyiharkan yang melibatkan Daerah Kuching. Indeks kes kepada kluster ini ialah kes 1,158 yang telah dikesan melalui saringan individu bergejala pada 05 Januari 2021. Sejumlah 54 individu telah disaring, dimana:

- 6 kes dikesan positif (lima (5) kes baharu)
- 6 individu negatif; dan
- 42 individu yang masih menunggu keputusan

### **C. Kluster Yang Masih Aktif.**

Hari ini tiga (3) kluster COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

- I. Kluster Keranji Tabuan, Kuching :** terdapat lima (5) penambahan kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan seramai enam (6) kes.



**II. Kluster Bah Sayap, Miri :** terdapat satu (1) penambahan kes hari ini menjadikan keseluruhan meningkat kepada enam (6) kes. Sejumlah 71 individu telah disaring, dimana 42 negatif dan 23 masih menunggu keputusan makmal.

**III. Kluster Stutong, Kuching :** tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal 11 kes. Sejumlah 206 individu telah disaring dimana 162 negatif dan 33 masih menunggu keputusan makmal.

**IV. Kluster Mador, Meradong :** tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal lapan (8) kes. Sejumlah 1,238 individu telah disaring, dimana 1,173 negatif dan 57 masih menunggu keputusan makmal.

**D. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Terdapat **dua (2)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj hari ini dari Hospital Umum Sarawak (1) dan Hospital Miri (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,085** orang atau **91.95%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **76** orang iaitu:

- 36 kes di Hospital Umum Sarawak;
- 18 kes di Hospital Sibu;
- 16 kes di Hospital Miri;
- Lima (5) kes di Hospital Bintulu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Sungai Buloh.

Hari ini, **43 PUI** baru telah dilaporkan dan **16 PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

**E. Operasi *Active Case Detection* Rh. Sg Putong, Ulu Undop Dan Rh. Bui Panjai, Lubok Antu.**

Ekoran terdapat kes positif dilaporkan dari rumah panjang Sg. Putong, Ulu Undop, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Sri Aman telah melakukan *Active Case Detection* dengan menghantar agensi penguatkuasa untuk berkawal di rumah panjang tersebut supaya penduduk tidak bergerak keluar dan orang luar tidak masuk ke rumah panjang berkenaan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah mengambil tindakan segera untuk menghantar bekalan makanan ke dua rumah panjang berkenaan untuk kegunaan penduduk terbabit.

Manakala Jabatan Kesihatan Bahagian Sri Aman juga telah mengambil tindakan segera berhubung melakukan saringan serta pengesanan kontak.

#### **F. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Sri Aman telah bertukar status daripada status Hijau kepada status Kuning** setelah dua (2) kes jangkitan tempatan dikesan di daerah ini. Daerah Kuching, Miri, Sibul, Bintulu, Meradong, Bukit Mabong dan Lawas kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **35** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Manakala 32 buah daerah yang lain di Sarawak berada dalam status Hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Tatacara Kemasukkan Ke Sarawak Bagi Guru**

Bagi kemasukkan semua guru ke Sarawak daripada Semenanjung / Sabah / Labuan mereka akan menjalani kuarantin di pusat kuarantin yang ditetapkan selama 10 hari. Ujian RT-PCR akan diambil pada hari ke-2 dan hari ke-8 dan akan dibenarkan discaj pada hari ke-10 setelah keputusan ujian negatif. Mereka akan menyambung 4 hari baki kuarantin di rumah.

Manakala, bagi guru yang melapor diri di kawasan pedalaman, mereka akan menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di pusat kuarantin.

### **B. Pengisian Maklumat Dalam Pendaftaran Secara Manual Dan Pemantauan**

Bagi pendaftaran kemasukkan ke sesebuah premis secara manual menggunakan buku rekod, maklumat yang **WAJIB** diberikan adalah nama, nombor telefon dan masa memasuki premis. Operator premis hendaklah memastikan terdapat pekerja yang memantau pelanggan semasa pendaftaran dan saringan suhu. Pelanggan yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C **TIDAK** dibenarkan memasuki premis.

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **16 kompaun** di Daerah Kuching (15), Samarahan (1) kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **81 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (25), DBKU (19), MPP (18), MD Marudi (9), MD Serian (5), MBKS (3) dan MDDM (2).

#### **4. LAPORAN OP BENTENG**

Sejak Op Benteng dilaksanakan pada 06 Mei 2020, Pihak PDRM telah menangkap seramai enam (6) kes Pemerdagangan Imigran dimana tiga (3) kes telah dituduh dan tiga (3) kes masih dalam siasatan. Manakala 15 kes Penyeludupan Imigran telah dilaporkan dimana sembilan (9) kes telah dituduh dan enam (6) kes dalam siasatan.

Manakala pihak ATM telah melakukan **11 kes pengusiran PATI** dan rampasan barangan yang cuba dibawa keluar dan masuk ke Sarawak bermula pada 1 hingga 6 Januari 2021 di sempadan Antarabangsa Malaysia – Indonesia.

Seramai 34 PATI telah diusir sejak 1 Januari 2021 yang lalu yang cuba masuk melalui Serikin, Bau pada 3 Januari 2021 sekitar jam 5.20 petang di Sekatan Jalan Raya Pos Serikin, 15 orang warga Indonesia (PATI) terdiri daripada 7 lelaki dewasa, 5 wanita, seorang kanak-kanak lelaki dan 2 kanak-kanak perempuan telah diusir.

Di Lubok Antu, ATM telah telah berjaya mengusir 9 PATI, manakala di Kendaie Lundu, 2 PATI berjaya diusir.

Selain kes pengusiran PATI, pihak ATM juga berjaya menghindar cubaan menyeludup keluar barangan makanan ke Indonesia di Tebedu dan Lubok Antu dengan anggaran nilai rampasan **RM 3472.70**.

## **5. LAPORAN TANGKAPAN PATI OLEH JABATAN IMIGRESEN NEGERI SARAWAK**

Pihak Jabatan Imigresen telah menangkap **173 PATI** sejak 01 hingga 07 Januari 2021. Daripada jumlah tersebut, tangkapan terdiri daripada warganegara Indonesia (143), Bangladesh (21), India (3), Pakistan (3) dan Filipina (3).

Kesemua PATI ditangkap di tapak pembinaan, ladang, kebun sayur, loji air, restoran, terminal bas, rumah kediaman/sewa/kongsi dan kes yang telah diserahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi PATI yang telah dirawat kerana disahkan positif COVID-19 serta yang telah tamat dikuarantin.

Mereka telah ditangkap melalui beberapa siri operasi penguatkuasaan yang dijalankan secara berkala di sekitar bandar Kuching, Serian, Sri Aman, Bintulu dan Miri dan akan didakwa di bawah Akta Imigresen 1959/63 Seksyen 15 (1)(c) iaitu kesalahan Tinggal Lebih Masa dan Seksyen 6(1)(c) kerana tidak memiliki suatu Pas yang sah semasa di negeri ini. Kesemua tangkapan PATI masih dalam proses siasatan.

## **6. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Sepertimana kita semua sedia maklum, kes yang dilaporkan semalam bagi Malaysia (06 Januari 2021) adalah yang tertinggi iaitu 2,593 kes. Bagi mengekang kes-kes ini daripada terus menular masuk ke Sarawak, kita akan terus memperketatkan kemasukkan ke Sarawak dan menempatkan semua yang balik dari Luar Negara / Semenanjung / Sabah / Labuan dipusat kuarantin sebelum dibenarkan balik ke rumah. Ini adalah untuk memastikan bahawa mereka berada di dalam keadaan bebas COVID-19 sebelum berjumpa dengan ahli keluarga di rumah.

Strategi yang telah dilaksanakan oleh Sarawak selama ini telah membuktikan kita agak berjaya mengawal kes penularan COVID-19. Oleh itu, saya menyeru kepada semua rakyat Sarawak untuk terus bersama-sama kekal mengamalkan kebersihan diri yang tinggi dan penjarakan fizikal serta memakai pelitup muka sepanjang masa sekiranya berada di tempat sesak.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**07 JANUARI 2021**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	1166	Total Cases still in ward	76	6.44%
New Cases	14	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	221,112	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1180	Total Death Cases	19	1.61%
IR per 100,000 population	38.25	Recovered and discharged cases	1,085	91.95%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	20	10,063	43	11,259
Pending Result	16	16		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	36	18	5	16	1	76
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	1	0	0	1	2
	Cummulative	893	46	55	83	1079
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (8)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Sri Aman	2	58	2	7	0	4	0	1	2	2	2
2	Bukit Mabong	0	1	0	1	0	0	0	0	1	1	1
3	Sibu	3	143	3	37	0	26	0	0	11	11	2
4	Miri	1	932	1	77	1	61	0	1	15	15	5
5	Meradong	0	39	0	4	0	0	0	0	4	4	3
6	Lawas	0	30	0	12	0	11	0	0	1	1	1
7	Bintulu	0	340	0	61	0	55	0	0	6	11	2
8	Kuching	32	7,626	7	758	0	714	0	12	32	33	19
Jumlah		38	9169	13	957	1	871	0	14	72	78	35

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**



DAERAH HIJAU (32)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	2	340	0	27	0	27	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	262	0	8	0	7	0	0	1	1	0
3	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
4	Samarahan	2	612	0	116	0	112	0	4	0	0	0
5	Lubok Antu	0	29	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Bau	0	190	0	7	0	7	0	0	0	0	0
7	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	9	0	4	1	4	0	0	0	0	0
10	Asajaya	0	46	0	7	0	7	0	0	0	2	0
11	Betong	0	191	0	17	0	16	0	0	1	1	0
12	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
13	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
15	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Pusa	1	10	1	2	0	0	0	0	2	2	0
17	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Dalat	0	15	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
26	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>	<b>2,090</b>	<b>1</b>	<b>223</b>	<b>1</b>	<b>214</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>6</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>43</b>	<b>11,259</b>	<b>14</b>	<b>1,180</b>	<b>2</b>	<b>1,085</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>76</b>	<b>84</b>	<b>35</b>
---------------------	-----------	---------------	-----------	--------------	----------	--------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **363 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **44 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,121 orang**. Manakala seramai **49,111 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 07.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,201)</b>	Hock Lee	140
2		Kuching Park	114
3		Pullman	348
4		Hilton	197
5		Harbour View	238
6		Riverside (Astana Wing)	244
7		Grand Margherita	195
8		Imperial Boulevard	110
9		Tune Hotel	47
10		Dormani Hotel	48
11		Grand Continental	193
12		Meritin	56
13		Longhouse	49
14		Abell	47
15		Lot 10	35
16		Telang Usan	54
17		Imperial Riverbank	86
18	<b>Miri (1,008)</b>	Mega Hotel	119
19		Somerset	41
20		Imperial Palace	161
21		Eastwood Valley	67
22		Imperial New Wing	87
23		Paragon	88
24		Meritz	161
25		Miri	36
26		Dynasty	147
27		Kenyalang Suite	19
28		Citi Hotel	46
29	Nova	36	
30	<b>Bintulu (428)</b>	Wasan Inn	17
31		Fairfield by Marriot	191
32		Kidurong Inn	54
33		Motel Kapok	57
34		Faber Inn	27
35		AA Inn	16
36		Ambassador	66
37	<b>Limbang (126)</b>	Purnama	40
38		Seri Malaysia (Lawas)	58
39		Mandarin (Lawas)	28
40	<b>Sibu (153)</b>	Premier	120
41		Diocesan Pastoral	33
42	<b>Samarahan (182)</b>	INFRA	70
43		Kolej Rafflesia, UNIMAS	112
44	<b>Sarikei (23)</b>	Garden Hotel	23
<b>Jumlah PUS</b>			<b>4,121</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **empat (4) lokasi di Miri (2), Kuching (1) dan Sarikei (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,143 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 07.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>720</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>2</b>	<b>445</b>
3	Sibu	TIADA	203
4	Samarahan	TIADA	139
<b>5</b>	<b>Sarikei</b>	<b>1</b>	<b>124</b>
6	Bintulu	TIADA	121
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	72
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	53
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,143</b>

#### 4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **50 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 07.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	4
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	9
4	BDA	2
5	MDMJ	1
6	MCC	14
7	MD Marudi	5
8	MD Limbang	2
9	MD Lawas	10
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>

## 5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF YANG DILAPORKAN BAGI KLUSTER STUTONG KLUSTER BAH SAYAP

LOCATION OF EXPOSURE BY EARLY CASES OF STUTONG CLUSTER			
NAME OF EXPOSED LOCATION	CATEGORY	EXPOSURE DATE	TIME PERIOD AFFECTED
TM/Unifi Kiosk/Delli Speed Courier, IcomSquare	Work Place	17/12/20 - 1/1/21	
AIA office, Milan Square	Workplace	16/12/20 - 1/1/21	
K. One Kopitiam, Milan Square	Restaurant near workplace	19/12/20 - 1/1/21	
MS Shima Cafe, ICOM Square	Restaurant near Workplace	14/12/2020 - 1/1/2021	
Mingkee Duck Shop, Icom Square	Restaurant	24/12/2020	12pm - 12.30pm
		30/12/2020	1pm - 1.30pm
		31/12/2020	12pm - 12.30pm
Enviar Tapas, Galacity	Restaurant	25/12/20	7pm - 11pm
S Bistro, Galacity	Bistro	26/12/20	8.30pm - 10pm
		30/12/20	8.45pm - 11pm
TGV Vivacity	Social activity - customer	17/12/20	WonderWoman 1984 - 9pm
	Social activity - customer	18/12/20	WonderWoman 1984 - 8.20pm
	Social activity - customer	26/12/20	The Rescue - 9pm
MBO The Spring	Social Activity - customer	22/12/20	WonderWoman 1984 show - 12pm, Hall 3
	Social Activity - customer	24/12/20	The Rescue - 8.30pm
K11, ST3 outlet	Social Activity - customer	27/12/2020	3pm - 6.30pm
NAME AND TIME OF EXPOSED LOCATION			
NAME OF EXPOSED LOCATION	CATEGORY	EXPOSURE DATE	TIME PERIOD AFFECTED
TM/Unifi Kiosk/Delli Speed Courier, IcomSquare	Work Place	17/12/20 - 1/1/21	
Tags Retro Bistro, S3 Curve	Social Activity-customer	28/12/20	10pm-12am
CS One Enterprise, Saradise	Social Activity-customer	29/12/20	4pm-4.15pm
Ming Kee Duck Shop, iCom Square	Social Activity-customer	30/12/20	12- 12.30pm
Ming Kee Duck Shop, iCom Square	Social Activity-customer	31/12/20	12-12.30pm
Soulwell Pharmacy, iCom Square	Social Activity-customer	30/12/20	1pm -1.15pm
S Bistro, Galacity	Social Activity-customer	30/12/20	8.45pm-11pm
Authentic Chicken Rice, Jalan Ang Cheng Ho	Social Activity-customer	31/12/20	6:00 PM

<b>NAME AND TIME OF EXPOSED LOCATION CASES OF CLUSTER BAH SAYAP</b>			
<b>NAME OF EXPOSED LOCATION</b>	<b>CATEGORY</b>	<b>EXPOSURE DATE</b>	<b>TIME PERIOD AFFECTED</b>
MING CAFE, JALAN MERBAU	Social Activity-customer	27/12/2020	7:30PM - 12:30AM
CHILLZZ BISTRO, CENTREPOINT	Social Activity-customer	28/12/2020	12:50AM - 2:00AM
RAIN BAR BISTRO, MARINA	Social Activity-customer	28/12/2020	0.09375 - 4:00AM
PUMA SERA, JALAN MAJU	Social Activity-customer	28/12/2020	4:00AM - 4:30AM
BONZER RESTAURANT, KINGWOOD HOTEL, JALAN ROSS	Social Activity-customer	28/12/2020	7:00PM - 9:00PM
UNIQLO, BINTANG MALL	Social Activity-customer	29/12/2020	10:50AM - 11:20AM
MCDONALDS BINTANG MALL	Social Activity-customer	29/12/2020	11:30AM - 12:30PM
POPULAR BOOK (BINTANG MEGAMALL)	Social Activity-customer	29/12/2020	12:45PM - 12:50PM
WATSON PERSONAL CARE, BINTANG MALL	Social Activity-customer	29/12/2020	12:15PM - 12:30PM
SENHENG ELECTRIC HQ, BINTANG MALL	Social Activity-customer	29/12/2020	12:50PM - 1:30PM
MY CHICKEN RICE RESTAURANT, MOSJAYA	Social Activity-customer	29/12/2020	7:45PM - 9:00PM
STARBUCKS MIRI AIRPORT	Social Activity-customer	30/12/2020	2:30PM - 2:40PM
MARRYBROWN AIRPORT MIRI	Social Activity-customer	30/12/2020	2:40PM - 2:50PM
Dragon Seafood Restaurant, JALAN BAKAM	Social Activity-customer	30/12/2020	7:45PM - 8:30PM